



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP.BT.9010/(30)

Tarikh : 2 Oktober 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/1991 :**  
**Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah Rendah**

Penggunaan buku kerja yang begitu meluas di sekolah-sekolah rendah telah menimbulkan berbagai reaksi dari guru-guru dan ibu bapa. Oleh itu, beberapa Pekeliling Kementerian telah dikeluarkan mengenai perkara tersebut. Di dalam hal ini, Kementerian berpendapat bahawa buku kerja dan bahan latihan yang baik dan sesuai sepatutnya dihasilkan sendiri oleh guru-guru dari sekolah yang berkenaan kerana mereka lebih mengenali dan memahami peringkat kebolehan murid-murid mereka. Buku kerja telah banyak digunakan di sekolah-sekolah sehingga murid dan guru bergantung sepenuhnya kepada buku kerja sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dan mengabaikan buku teks. Perlu ditegaskan di sini bahawa buku teks adalah merupakan bahan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan buku kerja sebagai bahan tambahan.

2. Di bawah ini diberikan garis panduan mengenai penggunaan buku kerja sekolah rendah untuk dipatuhi oleh semua Guru Besar dan guru seperti berikut :

(a) Penggunaan

- i. Satu judul buku kerja dibenarkan hanya untuk mata-mata pelajaran KBSR berikut :

Jenis Sekolah	Mata Pelajaran			
SK/SRK	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	-
SRJK (C)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Bahasa Cina
SRJK (T)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Bahasa Tamil

- ii. Guru-guru tidak boleh menggunakan sepenuhnya buku kerja semasa waktu mengajar dalam kelas di sekolah.
- iii. Buku kerja digunakan hanya sebagai sumber latihan setelah guru-guru mengajar konsep dan kemahiran kepada murid-murid.
- iv. Murid-murid boleh menggunakan buku kerja sebagai bahan rujukan dan untuk kerja rumah.

- v. Guru-guru boleh menggunakan buku kerja untuk mengulangkaji pelajaran.

(b) Pemilihan

- i. Pemilihan buku kerja hendaklah dilakukan oleh panitia mata pelajaran KBSR sekolah masing-masing berdasarkan kesesuaian isi kandungan, mutu dan harga.
- ii. Hanya satu judul buku kerja dibenarkan dipilih untuk tiap-tiap satu mata pelajaran seperti di pada 2 (a) i di atas.
- iii. Isi kandungan buku kerja yang dipilih hendaklah bersesuaian dan menepati kemahiran yang disarankan dalam Buku Panduan Khas KBSR dan sesuai dengan peringkat kebolehan murid. Laporan pemilihan yang terperinci hendaklah disediakan bagi setiap buku kerja yang dipilih berdasarkan kriteria sekolah masing-masing mengenai isi kandungan, mutu dan harga.
- iv. Harga buku kerja yang dipilih hendaklah berpatutan dan tidak membebankan ibu bapa.

(c) Penjualan

- i. Penjualan boleh dibuat di kedai buku sekolah atau koperasi sekolah sahaja.
- ii. Penerbit tidak dibenarkan membuat promosi jualan kepada murid-murid dan guru-guru di sekolah.


3. Dengan penguatkuasaan Pekeliling ini mulai 1 Disember 1991, maka semua Pekeliling Kementerian sebelum ini yang berkaitan dengan buku kerja adalah dibatalkan.

4. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan adalah diminta untuk memaklumkan kandungan Pekeliling ini kepada semua Guru Besar di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“CINTAILAH BAHASA KITA”**



**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan
  6. Timbalan Ketua Setiausaha I  
Kementerian Pendidikan
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan
  8. Timbalan Ketua Setiausaha II
  9. Semua Ketua Bahagian
  10. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
  11. Ketua Unit Perhubungan Awam